

# **KAEDAH DAN KADAR BAYARAN UNTUK PROGRAM RAKAN BAKTI PUTRA, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA.**

## **Jenis Perkhidmatan atau Sumbangan**

### **Kategori A**

#### **Perkhidmatan Pengurusan Pejabat**

1. Kategori perkhidmatan pengurusan pejabat ialah seperti menginput, mengemaskini dan membuat semakan data dan maklumat.
2. Menyemak, Menyusun dan mengemaskini dokumen, menyemak dokumen dan memfailkan dokumen.
3. Lain lain perkhidmatan setara yang boleh dikategorikan sebagai perkhidmatan pejabat.

#### **Kaedah bayaran**

4. Penetapan kadar bayaran atau elaun bagi kategori A, untuk Program Rakan Bakti Putra adalah berasaskan jumlah jam kerja daripada RM4.00 hingga RM10.00 sejam, tertakluk kepada jumlah bayaran tidak melebihi RM1,200 sebulan.
5. Penetapan kadar bayaran dan spesifikasi kerja di bawah kategori ini akan dibuat mengikut jenis kerja dan tempoh masa kerja oleh satu jawatankuasa yang dilantik oleh Bursar.

## **Kategori B**

Perkhidmatan pengindahan dan keceriaan premis, bangunan, asrama, pejabat dan kawasan.

### **Kaedah bayaran**

6. Penetapan kadar bayaran atau elaun bagi kategori B, Program Rakan Bakti Putra UPM adalah berasaskan jumlah jam kerja daripada RM4.00 hingga RM10.00 sejam, tertakluk kepada jumlah bayaran tidak melebihi RM1,300 sebulan.
7. Penetapan kadar bayaran dan spesifikasi kerja di bawah kategori ini akan dibuat mengikut jenis kerja dan tempoh masa kerja oleh satu jawatankuasa yang dilantik oleh Bursar dan diluluskan oleh Jawatan Kuasa Sebutarga Universiti.

## **Kategori C**

### **Perkhidmatan Mengikut Program atau projek**

8. Perkhidmatan mengikut projek atau program Rakan Bakti Putra UPM yang telah dikenal pasti sebagai perkhidmatan dalaman universiti mengikut keperluan dan spesifikasi yang boleh dilaksanakan oleh pelajar berdasarkan kemahiran dan keupayaan di mana sumbangan yang akan diberikan lebih memberikan nilai faedah yang lebih tinggi kepada pelajar dan universiti.

### **Kaedah bayaran**

9. Untuk Kategori C, penetapan kadar bayaran atau elaun mengikut projek dengan had maksima bayaran RM1,500 untuk seorang pelajar bagi setiap projek. Kadar ditentukan berdasarkan spesifikasi perkhidmatan atau kerja yang akan dilaksanakan.

### **Kelulusan Jawatankuasa Sebutharga Universiti**

10. Penetapan kadar bayaran untuk kategori C mengikut program akan dibuat oleh Jawatan kuasa Teknikal yang akan dilantik oleh Bursar dan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga Universiti.

### **Had Nilai Bayaran**

11. Setiap program Rakan Bakti Putra yang dilaksanakan di bawah kategori B dan C di hadkan pada nilai sehingga bidang kuasa Jawatankuasa Sebut Harga Universiti.

### **Bayaran kepada akaun asnaf**

12. Bagi setiap projek di bawah program Rakan Bakti Putra UPM untuk kategori A, B dan C bayaran hendaklah dibuat ke Akaun Projek Rakan Bakti Putra UPM.

### **Laporan dan Pemantauan Program/Projek**

13. Pejabat Bursar perlu menyediakan laporan pemantauan untuk pembentangan dan makluman status perlaksana